

CNS6674

u GB20-04 00119 B1-1933

bah

KAWAT TAKZIAH DR MAHATHIR KEPADA KELUARGA OZAL

1

KUALALUMPUR, 20 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menqirim kawattakziah kepada rakan sejawatannya dari Turki, Suleyman Demirel kerana kematian presiden negaraitu, Turgut Ozal, akibat sakit jantung Sabtu lepas.

Dalam perutusan itu, Perdana Menteri melahirkan rasa sedihnya kepada keluarga Allahyarham.

"Rakyat Malaysia terkejut mendengar kematiannya, yang menjadi satu kehilangan kepada negaraanda," kata Dr Mahathir, sambil menyifatkan Ozal sebagai tokoh yang memberi sumbangan besar kepada kemajuan Turki dan persaudaraan Islam.

Menurut kenyataan Wisma Putra, Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi menghantar kawat serupa kepada rakan sejawatannya Hikmat Cetin. -- Bernama  
ES MIB

•••••